

Indeks Keadaan Perniagaan dan Prospek Ekonomi Malaysia

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Para peniaga terus optimistik terhadap prospek perniagaan di Malaysia. Ini terbukti melalui keputusan suku kedua 2017 indeks keadaan perniagaan (business conditions index – BCI) yang di keluarkan oleh MIER baru-baru ini. BCI merupakan indeks untuk mengukur sentimen peniaga terhadap keadaan perniagaan melalui kaji selidik yang di jalankan oleh MIER. Kaji selidik ini dilakukan setiap suku tahun, iaitu empat kali setahun.

BCI dirujuk dengan meluas sebagai salah satu maklumat penting untuk menilai keadaan ekonomi Malaysia, terutama sebagai petunjuk hadapan. Ianya turut dirujuk di luar negara sebagai maklumat penting untuk menganalisis keadaan ekonomi Malaysia. BCI mempunyai korelasi yang tinggi secara positif dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Umpamanya, jika BCI meningkat maka pertumbuhan ekonomi juga mempunyai tendensi untuk meningkat, dan sebaliknya.

BCI untuk suku kedua 2017 merekodkan bacaan melebihi 100 mata had keyakinan. Bacaan indeks melebihi 100 bermakna para peniaga optimistik dengan keadaan ekonomi, dan sebaliknya jika indeks kurang dari 100 mata. Bacaan indeks untuk suku kedua 2017 mengatasi indeks untuk suku pertama 2017, dan turut mengatasi bacaan indeks untuk suku kedua tahun lepas. Ini bermakna para peniaga lebih optimistik terhadap keadaan ekonomi di suku kedua 2017 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas serta berbanding suku pertama tahun ini.

Walau bagaimanapun, sentimen peniaga juga menunjukkan suatu keluarbiasaan di mana mereka lebih optimistik terhadap permintaan domestik berbanding dengan permintaan eksport. Ini adalah bertentangan dengan keadaan semasa di mana aktiviti perdagangan luar didapati meningkat semenjak awal tahun ini. Untuk suku pertama

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

2017, eksport kasar meningkat sebanyak 21.4 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas, manakala import kasar meningkat sebanyak 27.7 peratus untuk tempoh yang sama. Sebagai perbandingan, kadar pertumbuhan eksport dan import kasar untuk tahun lepas adalah jauh lebih rendah, 1.3 peratus dan 2.0 peratus, masing-masing. Dalam pada itu, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) juga mengunjurkan bahawa jumlah perdagangan dunia akan tumbuh pada kadar yang lebih pantas, 3.8 peratus pada tahun ini berbanding dengan 2.2 peratus untuk tahun lepas.

Berdasarkan kepada keadaan tersebut bolehlah diandaikan bahawa para peniaga masih berhati-hati terhadap perkembangan ekonomi dunia. Walaupun ekonomi dunia dijangka tumbuh pada kadar yang lebih pantas pada tahun ini, namun ianya masih diselubungi dengan risiko ketidaktentuan terutama di kalangan ekonomi utama dunia. Antara lain, peningkatan elemen dasar perlindungan yang diambil oleh negara-negara maju. Umpamanya, dasar Presiden Trump Amerika Syarikat yang jelas lebih memihak kepada melindungi perniagaan domestik. Begitu juga seperti yang telah diketahui umum, Great Britain telah memilih untuk keluar dari Kesatuan Eropah (EU). Perkembangan ini dijangka turut akan mempengaruhi dasar lain-lain negara maju.

Permintaan domestik yang kukuh terus memacu pertumbuhan ekonomi negara. Namun demikian, situasi ini sudah tentu turut membimbangkan dari segi kemapanan pertumbuhan ekonomi jika berterusan bergantung kepada permintaan domestik yang tinggi, terutamanya pergantungan terhadap penggunaan swasta. Untuk mengimbangi situasi ini, peningkatan produktiviti amatlah perlu. Justeru, para pengeluar diharap akan meningkatkan tahap teknologi pengeluaran mereka untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran.

Untuk mencapai matlamat ini, dasar kerajaan yang bersesuaian amatlah penting. Lebih tepat lagi, dasar penggalakan peningkatan tahap teknologi pengeluaran seiring dengan dasar peningkatan kemahiran buruh untuk mengendalikan teknologi berkaitan. Tanpa perkembangan ini, adalah dikhuatiri ekonomi negara akan terperangkap di dalam proses pengeluaran yang tidak mampu meningkatkan nilai tambah kepada ekonomi.

Seperti tersebut di atas, pertumbuhan import kasar untuk suku pertama tahun ini adalah lebih pantas dari pertumbuhan eksport kasar. Sudah tentu secara terus ini akan

mengurangkan imbalan dagangan negara dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi semasa. Namun jika dilihat kepada komponen import, ianya menunjukkan perkembangan yang positif. Import barangan modal dan barangan perantaraan untuk suku pertama 2017 telah tumbuh dengan begitu pantas, masing-masing pada kadar 42.0 peratus dan 27.8 peratus setahun. Sebaliknya, barangan pengguna cuma tumbuh pada kadar 4.0 peratus untuk suku pertama 2017.

Barangan modal adalah barangan yang digunakan untuk membuat pengeluaran, seperti mesin dan seumpamanya. Manakala, barangan perantaraan adalah barangan yang digunakan untuk mengeluarkan barangan akhir untuk pengguna. Pendek kata, barangan perantaraan merupakan barangan separa siap yang ditambah nilai untuk menjadi barangan akhir. Sebilangan besar barangan eksport Malaysia adalah terdiri dari barangan yang ditambah nilai ke atas barangan perantaraan. Proses ini terutamanya mengambil faedah dari rangkaian nilai global, di mana proses pengeluaran barangan akhir melalui berbagai peringkat di lain-lain negara.

Berkaitan dengan keputusan BCI yang tersebut di atas, bolehlah dirumuskan bahawa para peniaga optimistik berkenaan ekonomi dunia untuk jangka panjang, walaupun agak berhati-hati di dalam jangka masa terdekat. Para pengeluar dilihat meningkatkan kapasiti pengeluaran hadapan dicerminkan oleh peningkatan import barangan modal. Sekali gus, keadaan ini diharap selari dengan peningkatan tahap teknologi pengeluaran, yang berkadar positif dengan peningkatan produktiviti.

Pada masa yang sama import barangan perantaraan juga tumbuh dengan agak pantas (27.8 peratus), berbanding dengan kadar pertumbuhan negatif (0.1 peratus) pada tahun lepas. Ini melambangkan kebarangkalian terhadap peningkatan eksport masa akan datang terdekat. Kebanyakan negara rakan dagang utama Malaysia juga diunjurkan mempunyai pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada tahun ini serta tahun hadapan.

Pertumbuhan import barangan pengguna yang perlahan juga merupakan perkembangan yang sihat. Ianya akan membantu meningkatkan lebih dagangan di dalam akaun semasa, imbalan bayaran negara. Di samping itu, pengurangan import barangan siap pengguna juga mampu mengekang peningkatan inflasi kesan dari kekuatan dolar Amerika.